

Analisis Wacana

**GAYA BAHASA
KOMUNIKASI**

Rasulullah (SAW) Dengan

UMMUL MUKMININ

Ahmed Thalaf Hassan

© PENERBIT UMK, 2015

Hak cipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

**Analisis Wacana Gaya Bahasa Komunikasi Rasulullah (SAW)
dengan Ummul Mukminin
Ahmed Thalal Hassan
Nombor ISBN: 978-967-5782-99-2**

Diterbitkan oleh:

**PENERBIT UMK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan**

Kandungan

1. Pengenalan.....	1
2. Pendahuluan.....	9
3. <i>Ummul Mukminin:</i>	
i. Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid r.a.....	9
ii. Sayyidatina Aishah binti Abu Bakar r.a.....	9
iii. Sayyidatina Hafsa binti Umar r.a.....	11
iv. Sayyidatina Saudah binti Zam'ah r.a.....	12
v. Sayyidatina Sofiyah binti Huyai r.a.....	12
vi. Sayyidatina Juwairiyah binti al-Harith r.a.....	13
vii. Sayyidatina Zaynab binti Jahsh r.a.....	14
viii. Sayyidatina Maimunah binti al-Harith r.a.....	15
ix. Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah r.a.....	16
x. Sayyidatina Ummu Habibah binti Abi Sufiyan r.a.....	16
xi. Sayyidatina Ummu Salamah binti Suhail r.a.....	16
12. Hadis 1.....	17
Abu Said al-Khudri r.a.....	19
Analisis Hadis.....	19

Pendahuluan

Ummul Mukminin adalah gelaran yang diberikan kepada isteri Rasulullah SAW. Kebanyakan isteri Baginda adalah berstatus janda sebelum dikahwini Baginda kecuali Aishah r.a. Para isteri Rasulullah SAW, yang secara rasminya digelar Ummul Mukminin, haram dinikahi oleh mana-mana individu dalam kalangan umat Baginda SAW selepas Baginda. Isteri-isteri Baginda SAW sama ada berstatus dara, janda atau hamba, juga mereka adalah berlainan bangsa sama ada dalam kalangan bangsa Arab, Israel mahupun Qibti. Jumlah isteri Rasulullah SAW yang disepakati oleh ahli ilmu ialah sebelas orang. Dua daripada mereka meninggal semasa hayat Baginda iaitu Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid dan Sayyidatina Zainab binti Khuzaimah.

Ummul Mukminin Sayyidatina Khadijah binti Khuwailid r.a.

Isteri pertama Rasulullah SAW daripada keturunan Arab Quraisy. Melalui perkahwinan ini Baginda SAW dikurniakan anak-anak iaitu Qasim, Abdullah, Zainab, Rokiah, Ummu Kalsum dan Fatimah. Sayyidatina Khadijah meninggal dunia di Mekah, 3 tahun sebelum hijrah Rasulullah SAW.

Ummul Mukminin Sayyidatina Aishah binti Abu Bakar r.a.

Sayyidatina Aishah r.a. yang berketurunan Arab Quraisy adalah puteri kepada Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq, khalifah pertama

dalam Islam. Nama sebenar bapanya ialah Abdullah bin Abi Qahafah. Abu Bakar diberikan “*kun-yah*” (gelaran) “Abu Bakar” oleh Rasulullah SAW yang bermaksud “bapa kepada seorang anak dara” kerana Aishah r.a. merupakan satu-satunya isteri Rasulullah yang berstatus gadis perawan ketika dikahwini Baginda. Sementara al-Siddiq pula adalah “*laqab*” (gelaran) yang diberikan kepada beliau oleh Rasulullah SAW berdasarkan personaliti beliau yang membenarkan segala perlakuan Rasulullah SAW sekalipun masyarakat sekeliling mendustakan Baginda.

Sayyidatina Aishah r.a. dilahirkan pada tahun kelapan sebelum hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Sayyidatina Aishah r.a. berkahwin dengan Rasulullah SAW ketika berumur 9 tahun di kota Madinah al-Munawwarah setelah bertunang selama 2 tahun. Perkahwinan Rasulullah SAW dengan Sayyidatina Aishah r.a., mengikut setengah pendapat berlaku selepas 3 tahun kematian Sayyidatina Khadijah r.a. Baginda menggelarkannya dengan gelaran “*Humaira*” yang bermaksud “gadis yang kemerah-merahan pipinya.” Beliau meriwayatkan sebanyak 2210 hadis dan merupakan antara “*al-mukaththirin fi al-riwayah*” (antara periwayat hadis yang terbanyak).

Dalam kalangan Ummul Mukminin, Sayyidatina Aishah r.a. terkenal sebagai seorang yang paling “*faqih*” (berilmu) di antara mereka. Beliau menjadi tempat rujukan berkaitan persoalan agama terutamanya masalah berkaitan dengan wanita. Dikatakan bahawa satu perempat daripada persoalan keagamaan yang berkaitan hukum diperoleh daripada beliau. Satu peristiwa besar menimpa beliau apabila beliau difitnah oleh golongan munafik yang dikenali dengan peristiwa “*hadis al-ifq*” (berita bohong) yang amat mencabar kerukunan rumah tangga beliau dengan Rasulullah SAW. Keluarga Rasulullah SAW dan seluruh umat Islam Madinah amat tertekan dengan peristiwa ini sehinggalah Allah menurunkan wahyu yang membersihkan nama

Sayyidatina Aishah r.a. daripada keburukan fitnah tersebut. Rasulullah SAW wafat ketika Aishah r.a. berumur 18 tahun. Ummul Mukminin yang terkenal ini meninggal dunia sewaktu berumur 63 tahun pada zaman pemerintahan khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan pada tarikh 17 Ramadan tahun 58 Hijrah dan dikebumikan di perkuburan al-Baqi' di Madinah al-Munawwarah.

Ummul Mukminin Sayyidatina Hafсах binti Umar r.a.

Hafсах binti Umar ibn al-Khattab yang berketurunan Arab Quraisy ialah puteri kepada khalifah kedua dalam Islam iaitu Sayyidina Umar ibn al-Khattab dan isterinya Zainab binti Maz'un. Sebelum menjadi isteri kepada Rasulullah, beliau telah berkahwin dengan seorang sahabat bernama Hasn bin Huzafah bin Qais al-Sahmi. Suaminya antara sahabat yang menyertai peperangan Badr dan meninggal di Madinah. Setelah kematian suaminya dan selepas tamat *iddah*, Sayyidina Umar ibn al-Khattab r.a. menawarkan Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. untuk mengahwini Hafсах r.a, tetapi Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. tidak bersedia untuk tujuan tersebut. Sayyidina Umar r.a. kemudiannya menawarkan hasrat beliau untuk bermenentukan Sayyidina Uthman ibn al-Affan r.a. Hasrat beliau ini juga tidak dapat dipenuhi oleh Sayyidina Uthman r.a.

Sayyidina Umar r.a. akhirnya menawarkan hasratnya ini kepada insan paling mulia dalam kalangan manusia iaitu Rasulullah SAW. Hasrat murni beliau ini tertunai apabila Rasulullah SAW sudi untuk mengahwini Hafсах r.a. Hafсах r.a. pernah berhijrah ke Habshah sebelum ke Madinah. Beliau telah turut serta dalam beberapa peperangan dan menjadi jururawat kepada tentera-tentera Islam yang tercedera. Ketika Rasulullah mengambilnya sebagai isteri, beliau adalah seorang janda berumur 18 tahun dan merupakan isteri Nabi yang paling rapat dengan